

Najib Puji Pelantikan Dr Jemilah Mahmood

Bernamea

7 Mei, 2014

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Pelantikan Tan Sri Dr Jemilah Mahmood untuk mengetuai Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia pada 2016, adalah bukti terhadap ciri-ciri kepimpinan luar biasa beliau, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari Rabu.

Dalam catatan terbaharunya dalam laman Facebook, Najib berkata Dr Jemilah terkenal sebagai tokoh Malaysia yang melakukan kerja kemanusiaan tanpa mengenal erti lelah.

"Misi kemanusiaan dan perubatan yang disertainya untuk negara, Malaysia dan dunia, membantu mentakrifkan semula peranan dan tanggungjawab wanita, selain membantu meletakkan Malaysia pada peta dunia.

"Tahniah, anda membuatkan negara bangga," kata beliau.

Dr Jemilah, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Teach For Malaysia, dilantik untuk mengetuai Sekretariat Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia, hasil usaha setiausaha agung PBB, merupakan peluang bagi kerajaan, PBB dan agensi antara kerajaan, pertubuhan serantau, pertubuhan bukan bermotifkan keuntungan dan aktivis masyarakat sivil, sektor swasta, golongan akademik serta mereka yang terjejas oleh krisis untuk bergabung, menilai tindakan kemanusiaan, membincangkan perubahan landskap, berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik serta merangka agenda masa depan.

Sidang Kemuncak itu akan diadakan di Istanbul pada 2016 dan akan memusatkan perhatian kepada empat tema utama: Keberkesanan Misi Kemanusiaan, Transformasi melalui Inovasi, Mengurangkan Ketidakpastian dan Menangani Risiko, serta Memenuhi Keperluan Penduduk Terlibat Dalam Konflik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1036631>